

**SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI OPTOMETRI**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
TARIKH KUAT KUASA : 1 NOVEMBER 2002

Gred	Jadual Gaji Matriks					
Gred U41	:	P1T1	RM1738.43	-	P1T24	RM4107.61
		P2T1	RM1821.92	-	P2T24	RM4367.76
		P3T1	RM1909.04	-	P3T24	RM4624.28
Gred U44	:	P1T1	RM2633.83	-	P1T14	RM4364.13
		P2T1	RM2920.60	-	P2T14	RM4823.93
Gred U48	:	P1T1	RM3853.51	-	P1T8	RM5115.54
		P2T1	RM4235.87	-	P2T8	RM5599.54
Gred U52	:	P1T1	RM4341.14	-	P1T8	RM5603.17
		P2T1	RM4752.54	-	P2T8	RM6116.21
Gred U54	:	P1T1	RM4572.25	-	P1T8	RM5950.44
		P2T1	RM4976.39	-	P2T8	RM6492.52

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) ijazah Sarjana Muda Optometri yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred U41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

3. Pegawai Optometri Gred U41 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

4. Pegawai Optometri boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

5. Pegawai Optometri Gred U41 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

6. Pegawai Optometri Gred U41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

8. Pegawai Optometri hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U44**

9. Pegawai Optometri Gred U41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Optometri Gred U44 yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U48**

10. Pegawai Optometri Gred U44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Optometri Gred U48 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U52**

11. Pegawai Optometri Gred U48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Optometri Gred U52 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U54**

12. Pegawai Optometri Gred U52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Optometri Gred U54 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

- (b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED YANG
LEBIH TINGGI**

13. Pegawai Optometri Gred U54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.1.1992 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, JPA(S)256/21/Klt. 2(19)].